JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 5/2020

**RUJUKAN : 27 MAC 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan lebih drastik dalam membendung penularan jangkitan COVID-19 dengan menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Statistik terkini jangkitan kes baharu terus meningkat kepada **2,161 kes dengan jumlah terkini kematian direkodkan sebanyak 26 kes.** Pertambahan sebanyak **130 kes baharu** ini antaranya adalah menerusi peningkatan di kawasan lembah klang sebanyak 54 kes positif, Zon Selatan (26) dan wilayah Malaysia Timur (25 kes) dengan sumbangan **sebanyak 80.8 peratus** kepada jumlah keseluruhan kes positif pada 27 Mac 2020. Zon Utara dan Pantai Timur masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 15 dan 10 kes seperti pada Jadual 1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan bahawa terdapat **44 kes yang telah pulih** dan ini menjadikan jumlah **kumulatif kes discaj** adalah sebanyak **259 kes**.

Melihat kepada situasi terkini di luar negara, **Amerika Syarikat** kini **mempunyai jumlah kes positif COVID-19 tertinggi di dunia** melepasi China dengan 85,653 kes keseluruhan. New York, Washington dan California merupakan bandar yang paling teruk terjejas dengan angka kematian di seluruh negara melepasi 1000 mangsa. Sementara itu, **Itali masih kekal** sebagai negara yang mempunyai **kes kematian tertinggi di dunia dengan 8,165** diikuti Sepanyol dan China. Secara keseluruhannya, kes positif COVID-19 telah mencatatkan **angka melebihi setengah juta** dengan jumlah kumulatif sebanyak **531,990 kes** dan **4.5% kematian** seperti pada Jadual 2.

Impak penularan pandemik COVID-19 ini ternyata memberi kesan kepada kestabilan ekonomi dunia. Langkah-langkah proaktif telah di ambil untuk berhadapan dengan kemelut ini antaranya dengan memperkenalkan pelbagai insentif seperti pakej rangsangan ekonomi bagi mengimbangi kesan kemelesetan ekonomi. Kerajaan Malaysia pada 27 Mac 2020 telah mengumumkan **Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) berjumlah RM250 bilion** yang akan **memberi manfaat kepada rakyat di samping menyokong insititusi perniagaan di Malaysia**. Berikut merupakan antara intipati pakej rangsangan yang diumumkan;

1. Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN berjumlah **RM250 bilion** yang akan memberi manfaat kepada semua**.**

2. Hampir **RM128 bilion** disalurkan untuk melindungi **kebajikan rakyat.**

3. **RM100 bilion** untuk **menyokong perniagaan** termasuk **Perusahan Kecil dan Sederhana (PKS)**

4. **RM2 bilion** untuk **memperkukuh ekonomi** Negara

5. **RM20 bilion** telah diumumkan dalam pakej rangsangan sebelum ini.

6. Peruntukan bagi membendung penularan wabak covid19:

   a) **RM500 juta** telah diperuntukkan kepada **Kementerian Kesihatan Malaysia**.

   b) Tambahan sebanyak **RM1 bilion bagi pembelian peralatan dan perkhidmatan** untuk memerangi COVID-19, termasuk mendapatkan khidmat kepakaran perubatan daripada perkhidmatan kesihatan swasta.

## A. <u>MANFAAT KEPADA INDIVIDU</u>

1. Bagi mengekang penularan wabak covid19:

   a) Industri insurans dan takaful akan mewujudkan dana khas berjumlah RM8 juta untuk menanggung kos ujian penyaringan yang bernilai sehingga **RM300 bagi setiap pemegang polisi dan sijil takaful perubatan** yang menjalani ujian di hospital swasta atau makmal swasta.

   b) Meningkatkan **elaun khas yang diterima doktor, jururawat dan kakitangan** perubatan daripada RM400 **kepada RM600** sebulan mulai 1 April 2020 sehingga wabak ini berakhir.

   c) **Memanjangkan tempoh elaun khas** sebanyak **RM200** sebulan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan. Dianggarkan seramai **169,000 kakitangan tambahan** akan mendapat manfaat ini.

2. **Bantuan Prihatin Nasional - pemberian tunai secara one-off dengan peruntukan hampir RM10 bilion**, akan disalurkan juga kepada kumpulan M40, termasuk pekerja swasta, peneroka FELDA, petani, nelayan, peniaga kecil dan semua yang tergolong dalam kumpulan M40 dan ke bawah yang meliputi:

a) **Pertama:RM1,600** kepada hampir 4 juta isi rumah yang berpendapatan bulanan RM4,000 dan ke bawah. Bayaran RM1,000 akan dibayar pada bulan April 2020 dan RM600 pada bulan Mei 2020.

b) **Kedua:RM1,000** kepada hampir 1.1 juta isi rumah yang berpendapatan lebih RM4,000 hingga RM8,000 yang akan dibayar pada bulan April 2020 sebanyak RM500 dan baki RM500 pada bulan Mei.

c) **Ketiga:RM800** kepada 3 juta individu bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah. Bayaran RM500 akan dibayar pada bulan April 2020 dan baki RM300 pada bulan Mei 2020.

d) **Keempat:RM500** kepada 400,000 individu bujang berusia 21 tahun ke atas yang berpendapatan bulanan lebih RM2,000 hingga RM4,000. Bayaran sebanyak RM250 akan dibuat pada bulan April 2020 dan baki RM250 pada bulan Mei.

3. Baki pemberian tunai di bawah program **Bantuan Sara Hidup (BSH)** yang sedang dilaksanakan akan dibayar pada bulan Julai 2020 melibatkan **peruntukan sebanyak RM3.2 bilion.**

4. Bantuan secara one-off sebanyak **RM200 seorang** yang akan dibayar pada bulan Mei 2020 kepada **pelajar institusi pengajian tinggi** yang melibatkan **peruntukan sebanyak RM270 juta.**

5. Peruntukan sebanyak **RM25 juta** kepada **golongan mudah terjejas** seperti warga emas dan kanak-kanak di rumah perlindungan, orang kelainan upaya atau OKU, golongan gelandangan dan orang asal.

6. **Pengeluaran pra-persaraan dari akaun B Skim Persaraan Swasta sehingga jumlah RM1,500** bagi setiap ahli tanpa sebarang penalti cukai dalam tempoh bulan April hingga Disember 2020.

7. **Pengecualian pembayaran sewa bagi PPR** daripada sebulan yang diumumkan sebelum ini kepada **enam bulan** dengan jumlah kos sebanyak **RM3 juta ditanggung oleh kerajaan**. Bagi unit sewa untuk milik pula, penangguhan pembayaran bulanan diberikan selama enam bulan bagi pembayaran balik pembiayaan bermula bulan April hingga September 2020. Penangguhan pembayaran ini melibatkan kos RM5.7 juta bagi 4,649 unit rumah.

8. Bagi industri telekomunikasi dan multimedia, dengan kerjasama syarikat-syarikat telekomunikasi pakej **internet percuma kepada semua pelanggan dengan nilai RM600 juta bermula 1 April 2020** sehingga tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Keselamatan tamat. Selain itu, **tambahan RM400 juta** akan dilaburkan untuk **meningkatkan liputan dan keupayaan rangkaian** bagi mengekalkan ketersediaan dan kualiti rangkaian telekomunikasi yang tinggi dan mampan.

9. **Bantuan tunai** sebanyak **RM500** secara one-off kepada **lebih 1.5 juta penjawat awam gred 56 dan ke bawah** termasuk mereka yang bekerja secara kontrak pada April 2020 serta **RM500** secara one-off kepada lebih **850,000 pesara Kerajaan** juga pada bulan April 2020.

10. Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak **RM1 bilion kepada Dana Jaminan Makanan.** Selain itu, Kerajaan juga akan terus **menyalurkan pelbagai bantuan kepada petani, penternak dan nelayan** termasuk dalam bentuk bantuan input pertanian, ternakan dan perikanan untuk menggalakkan pengeluaran domestik.

11. **RM500 one off kepada 120,000 pemandu e-hailing** dengan peruntukan sebanyak **RM60 juta**. Dalam Pakej Rangsangan Ekonomi sebelum ini, kerajaan telah mengumumkan pemandu teksi akan menerima bayaran one-off sebanyak RM600 mulai 1 April 2020.

12. Kerajaan bersetuju untuk **membayar gaji pekerja yang ditanggung oleh kontraktor yang terlibat** dengan kontrak perkhidmatan seperti perkhidmatan pembersihan dan bekalan makanan di agensi awam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan walaupun pekerja tidak hadir bekerja**. Lebih 80,000** pekerja akan menerima manfaat daripada inisiatif ini yang melibatkan **peruntukan berjumlah RM110 juta.**

## B. MANFAAT KEPADA PERNIAGAAN

1. **Pengecualian sewaan selama enam bulan** untuk **semua premis milik Kerajaan Persekutuan** seperti kantin sekolah, taska, kafeteria, kedai serbaneka dan lain-lain. Ini termasuk semua premis milik agensi dan badan berkanun Kerajaan Persekutuan.

2. Kerajaan bersama Tenaga Nasional Berhad akan **menambah peruntukan sebanyak RM530 juta** lagi (RM500 juta telah di umumkan) untuk **memberikan diskaun berperingkat antara 15% hingga 50% mengikut penggunaan kadar elektrik** dengan had maksimum 600 kilowatt sebulan.

Diskaun ini akan berkuatkuasa bagi tempoh enam bulan mulai bil bulan April 2020. Sementara itu, diskaun sebanyak 2% seperti dimaklumkan sebelum ini akan terus dinikmati oleh semua pengguna isi rumah.

3. RM100 juta bagi menyediakan **kemudahan infrastruktur tempat penyimpanan dan pengagihan makanan serta program integrasi tanaman.** Kerajaan akan menyediakan **dana khas** antara RM100,000 hingga RM200,000 kepada setiap Pertubuhan Peladang Kawasan dan Pertubuhan Nelayan Kawasan yang berdaya maju untuk membangunkan projek agromakanan jangka pendek melibatkan **peruntukan sebanyak RM64.4 juta.**

4. Program **Subsidi Upah untuk membantu majikan mengekalkan pekerja**. Menerusi program ini Kerajaan **akan menyediakan upah sebanyak RM600 sebulan** bagi setiap pekerja untuk tempoh tiga bulan. Program ini dikhususkan kepada pekerja yang berpendapatan di bawah RM4,000 dan majikan yang mengalami penurunan pendapatan lebih 50% sejak 1 Januari 2020. Langkah ini dijangka **memanfaatkan 3.3 juta orang pekerja dengan peruntukan sebanyak RM5.9 bilion.**

5. Bagi membantu **Perusahaan Kecil dan Sederhana, termasuk usahawan mikro**, Kerajaan dan Bank Negara Malaysia akan menyediakan **dana tambahan berjumlah RM4.5 bilion** yang merangkumi lima inisiatif utama.

   a) **Menambah dana dalam tabung Bantuan Kemudahan Khas atau Special Relief** Facility untuk PKS sebanyak RM3 bilion, menjadikan jumlah keseluruhannya RM5 bilion. Selain itu, kadar faedah bagi keseluruhan dana ini akan dikurangkan daripada 3.75% kepada 3.5%.

   b) **Meningkatkan saiz dana sebanyak RM1 bilion kepada RM6.8 bilion** di bawah Kemudahan Semua Sektor Ekonomi bagi meningkatkan lagi akses pembiayaan kepada PKS.

   c) **Menyediakan dana tambahan sebanyak RM500 juta** di bawah Skim Kredit Mikro yang menjadikan jumlah keseluruhan RM700 juta bagi pembiayaan mudah. **Amaun pembiayaan juga ditingkatkan** daripada maksimum **RM50,000 kepada RM75,000** bagi setiap usahawan. Inisiatif ini adalah terbuka kepada semua usahawan mikro dalam semua sektor perniagaan termasuk pengusaha taska, operator bas dan teksi, industri kreatif dan peniaga atas talian.

   d) PKS yang mempunyai rekod perniagaan kurang daripada 4 tahun juga boleh **memanfaatkan skim BizMula-i dan BizWanita-i S**yarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC) untuk pembiayaan sehingga RM300,000.

e) Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) akan menyediakan **kemudahan jaminan bernilai RM5 bilion** selain meningkatkan kadar jaminan daripada 70% kepada 80% bagi syarikat PKS yang menghadapi masalah mendapatkan pinjaman.

6. Pemilik-pemilik syarikat yang **mengalami masalah aliran tunai**.

   a) KWSP akan memperkenalkan program Khidmat Rundingan Majikan pada 15 April 2020. Perkhidmatan ini merangkumi pilihan **penangguhan bayaran, penstrukturan dan penjadualan semula sumbangan majikan.** Langkah ini dijangka memberikan **penjimatan aliran tunai kepada majikan yang dianggarkan berjumlah RM10 bilion**. Inisiatif ini akan memanfaatkan lebih 480,000 PKS dan syarikat yang terjejas, di samping menyelamatkan lebih 8 juta pekerjaan.

   b) **Mengecualikan pembayaran levi Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF)** bagi semua sektor untuk tempoh enam bulan mulai bulan April 2020. Langkah ini dijangka membantu aliran tunai syarikat dengan **penjimatan keseluruhan bernilai RM440 juta;**

   c) Kerajaan juga membenarkan **penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan kepada semua PKS untuk tempoh tiga bulan mulai 1 April 2020** melibatkan kira-kira 750 ribu PKS.

7. Kerajaan menyambut baik usaha institusi perbankan yang bersedia untuk **menstruktur semula bayaran balik pinjaman sektor korporat** bersesuaian dengan prestasi perniagaan mereka. Memperuntukkan **Skim jaminan berjumlah RM50 bilion** dengan jaminan sehingga 80% daripada jumlah pinjaman bagi tujuan membiayai keperluan modal kerja. Skim ini akan diuruskan dan tertakluk kepada penilaian kredit oleh Danajamin.

## C. <u>PROGRAM MEMPERKUKUH EKONOMI NEGARA</u>

1. Kerajaan telah mengenal pasti **beberapa projek kecil** seperti menambah baik jalan, menaik taraf sekolah daif di Sabah dan Sarawak, membersihkan rumah ibadat dan balai polis, serta meningkatkan kemudahan pelancongan yang akan memanfaatkan kontraktor kelas G1 hingga G4. Bagi tujuan ini, peruntukan sebanyak RM2 bilion akan disediakan.

2. **Projek kecil bernilai RM2 bilion yang diumumkan dalam pakej sebelum ini akan mula dilaksanakan pada bulan April 2020**. Projek-projek ini termasuk projek **infrastruktur kawasan FELDA bernilai RM600 juta,** projek membaik pulih sekolah daif di Sabah dan Sarawak bernilai

RM350 juta dan projek membaik pulih perumahan rakyat termiskin bernilai RM150 juta.

3. Kerajaan juga akan **meneruskan pelaksanaan semua projek** yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2020 **termasuk ECRL, MRT2 serta Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara**. Usaha ini selaras dengan fokus Kerajaan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi kekal mampan.

## D. LAIN-LAIN

1. Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri bersetuju agar **dua bulan gaji kami semua dipotong** dan disalurkan ke dalam Tabung COVID-19.

2. Semua Kementerian **mengkaji semula belanjawan** masing-masing untuk mencari penjimatan agar ianya dapat digunakan untuk menampung langkah-langkah jangka sederhana bagi menangani wabak virus ini.

Senario persekitaran ekonomi beberapa negara terpilih turut menunjukkan aliran menurun berdasarkan kepada beberapa petunjuk utama. Perkongsian *headlines* daripada Public Invest Daily memberikan butiran berikut;

**AS: Jabatan Buruh AS melaporkan** jumlah tuntutan faedah/insurans pengangguran mingguan AS **mengalami peningkatan mendadak kepada 3.28 juta**. Data yang dikeluarkan ini mencerminkan peningkatan ketara pemberhentian pekerjaan kesan penularan wabak COVID-19. Ini merupakan **jumlah tuntutan yang tertinggi pernah dicatatkan** oleh AS berbanding 665,000 dan 695,000 tuntutan yang berlaku pada krisis kewangan 2009 dan kemelesetan ekonomi 1982. (Reuters)

**EU:** Bank Pusat Eropah (ECB) melaporkan penawaran wang Eropah (*Eurozone*) meningkat pada kadar lebih laju pada Februari 2020. Bekalan Wang M3 meningkat 5.5% berbanding 5.2% pada Januari 2020 manakala Bekalan Wang M1 meningkat 8.1% pada Februari 2020 berbanding 7.9% pada bulan sebelumnya. Selain itu, data kredit pinjaman kepada kerajaan pula menunjukkan penurunan -2.0% manakala pinjaman kepada pihak swasta pula kekal bertumbuh 3.4%. (RTT)

**EU:** Kajian oleh ***IFO Economic Institutes*** menunjukkan barometer pekerjaan Jerman yang menjadi petunjuk **prestasi pasaran pekerjaan Jerman turun** pada Mac 2020. Magnitud kejatuhan ini **adalah yang terbesar direkodkan semenjak 2002** dan merupakan paras terendah yang pernah dicatatkan semenjak Januari 2010. (Reuters)

**UK:** Bank of England (BOE) mengekalkan kadar faedah 0.1% dan pakej Pelonggaran Kuantitatif (*Quantitative Easing*) berjumlah GBP 645bilion dalam Mesyuarat Jawatankuasa Polisi hari ini. Keputusan pengekalan ini diambil setelah **BOE menurunkan kadar faedah bank sebanyak 15 mata asas** dan menambah pembelian bon bernilai GBP 200bilion pada 19 Mac yang lepas. BOE turut menyatakan akan membeli lebih banyak bon di pasaran pada masa akan datang sekiranya perlu untuk mengekang impak coronavirus. (Reuters)

**CHINA**: China mengimport sebahagian produk yang terjejas akibat pandemik COVID-19 seperti jentera elektrik, kelengkapan pengangkutan, produk bahan api dan produk kimia. Pada masa akan datang, China turut akan meningkatkan import ke atas produk pertanian. (Reuters)

**LAIN-LAIN:**

**India: Moody's** menurunkan unjuran KDNK India 2019-20 kepada 2.5% berbanding 5.3% unjuran sebelumnya sejajar dengan 21 hari perintah kuarantin di India.

**Indeks Komposit Sentimen Pengguna menjunam 18.5 mata** kepada 78.4 pada Mac 2020 berbanding 96.9 pada bulan sebelumnya. Penurunan ini didorong sentimen pengguna yang lebih pesimistik ke atas keadaan ekonomi semasa dan kedudukan ekonomi akan datang apabila masing-masing turun kepada 38 dan 62 pada Mac 2020 berbanding 66 dan 76 pada Februari 2020

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) Kerajaan akan memberi fokus kepada **aktiviti pelaburan domestik yang mempunyai kesan pengganda tinggi** dan berupaya mengekalkan pekerjaan melalui inisiatif projek-projek infrastruktur**.**

2) Ekonomi Malaysia bagi ST1 2020 **dijangka menguncup terutamanya melibatkan sektor pelancongan, pembuatan, eksport, komoditi, minyak dan gas, pembinaan dan perbelanjaan awam**.

3) **Eksport minyak sawit** pada Februari 2020 **menyusut 10.81 peratus kepada 1.08 juta tan daripada 1.21 juta tan** pada Januari 2020.

4) Kenaikan harga emas akan dapat membantu pertumbuhan ekonomi yang terjejas akibat COVID-19. **Emas menyumbangkan 0.52% kepada aset kewangan dunia** pada tahun 2019, **menaik dari 0.51%** pada tahun 2018.

5) Air Asia Group Bhd melaporkan **kerugian melebihi RM1.1 bilion** pada 2020, selepas syarikat penerbangan itu memutuskan untuk **menghentikan sementara operasinya** berikutan pandemik COVID-10 bagi penerbangan antarabangsa dan domestik bermula 28 Mac hingga 21 April 2020.

6) Industri runcit terjejas teruk sepanjang tempoh PKP yang mengakibatkan **nilai jualan pada Februari merosot 20 peratus** dan dijangkakan akan terus **merosot pada Mac 2020 sebanyak 90 peratus**.

7) Fitch Solutions menganggarkan **sektor pembinaan akan berkembang sebanyak 2.4%, turun 0.9 mata peratusan** daripada ramalan sebelumnya sebanyak 3.3%.

8) Usahawan B40 dan rakyat yang terjejas akibat Covid-19 akan diberikan **bantuan latihan keusahawanan, pengurusan kewangan dan sokongan** untuk membangunkan perniagaan yang dipilih**.**

9) Penurunan **harga runcit petrol RON95 dan RON97 turun enam sen seliter**, masing-masing kepada **RM1.38 dan RM1.68 seliter**. Manakala **harga runcit diesel turun sebanyak tujuh sen seliter kepada RM1.68** berkuat kuasa tengah malam ini sehingga 3 April.

10) Lebih daripada **10,000 tan buah-buahan** dibuang di Lembah Kelang semenjak PKP dikuatkuasakan. Ini berlaku kerana pekebun keliru dengan PKP sehinggakan ramai pemandu lori tidak berani beroperasi dan banyak pasar yang tutup.

11) Kerajaan akan menyediakan **dana khas antara RM100,000 hingga RM200,000 kepada setiap Pertubuhan Peladang Kawasan dan Pertubuhan Nelayan Kawasan** untuk memajukan projek agromakanan jangka pendek yang boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga hingga enam bulan.

12) Shopee memberi jaminan **operasi platform e-dagang akan berjalan seperti biasa**. Rakan niaga dan pembekal bersama Shopee akan memastikan bekalan mencukupi sepanjang tempoh ini.

13) Bantuan dan kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan atau pihak lain seperti **pengecualian bayaran sewa rumah, internet percuma, bantuan sara hidup, elaun dan lain-lain dapat mengurangkan beban rakyat.** Bantuan yang diberikan adalah meliputi semua golongan umur samada bekerja atau tidak bekerja

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Egde** | **MITI gives approval to 2,732 companies to operate as usual during MCO**<br><br>The Ministry of International Trade and Industry (MITI) has received requests from some 9,290 applicants from various manufacturing industries for normal operations during the Movement Control Order (MCO).<br><br>In a statement, MITI said that as of 12pm today, some 2,732 companies or 29.41% of appeals it received have been allowed to operate, while 2,794 appeals or 30.08% of the total number of appeals have been rejected.<br><br>Meanwhile, some 1,885 applications or 20.29% are in the Ministry's Keep In View (KIV) list, with the balance 1,879 applications still being processed. | https://www.theedgemarkets.com/article/miti-gives-approval-2732-companies-operate-usual-during-mco |
| 2. | **The Egde** | **KLCI climbs to highest in two weeks, bolstered by optimism over US$2 tril anti-virus shot in US**<br><br>The FBM KLCI rose 1.13% or 15 points at the close of trading today, as overnight gains seen on Wall Street following optimism over the US government's US$2 trillion plan to combat the COVID-19 | https://www.theedgemarkets.com/article/klci-climbs-highest-two-weeks-bolstered-optimism-over-us2-tril-antivirus-shot-us |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pandemic's fallout lifted regional markets. | |
| 3. | **The Egde** | **Coronavirus crisis cuts global oil demand by up to 20 mil bpd**<br><br>Measures to contain the spread of the coronavirus have cut oil demand in the United States, Europe and China by around 15-20 million barrels per day.<br><br>Entire countries have been put under lockdown, with travel restrictions hitting fuel demand and leading to the grounding of many airlines. | https://www.theedgemarkets.com/article/russia-says-coronavirus-crisis-cuts-global-oil-demand-20-mil-bpd |
| 4. | **Berita Harian** | **Pakej RM250 bilion untuk semua rakyat**<br><br>Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN berjumlah RM250 bilion. Daripada jumlah ini, hampir RM128 bilion disalurkan untuk melindungi kebajikan rakyat, RM100 bilion untuk menyokong perniagaan termasuk Perusahan Kecil dan Sederhana (PKS) dan RM2 bilion untuk memperkukuh ekonomi negara. Manakala sebanyak RM20 bilion telah diumumkan dalam pakej rangsangan sebelum ini.<br><br>• Individu bujang berusia 21 thn ke atas berpendapatan bawah RM2000 akan menerima bantuan RM800<br>• Rakyat berpendapatan RM4000-RM8000 akan menerima bantuan RM1000. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669880/pakej-rm250-bilion-untuk-semua-rakyat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | • Rakyat berpendapatan bawah RM4000 akan menerima bantuan RM1600.<br>• Pakej Khas untuk syarikat telekomunikasi - Internet percuma kepada semua pelanggan dengan nilai RM600 juta bermula April sampai PKP<br>• Kerajaan bersetuju mengecuali bayaran sewa dan pembiayaan semula bagi pemilik PPR di bandar daripada sebulan kepada 6 bulan, melibatkan 3,600 PPR. | |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 – Artikel adalah berkaitan kelulusan untuk beroperasi seperti biasa semasa MCO untuk sektor pembuatan untuk memastikan bahawa produk-produk penting berada dalam bekalan yang mencukupi semasa MCO.
2. Artikel 2 - Saham Asia melihat keuntungan apabila kerajaan AS akan melaksanakan lebih banyak langkah rangsangan untuk memerangi virus COVID-19.
3. Artikel 3 – Kesan krisis koronavirus telah melanda harga minyak dunia akibat dari kegagalan perjanjian antara negara-negara pengeluar minyak untuk menghadkan bekalan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Makanan dan minuman (F & B), produk isi rumah (termasuk sanitizer tangan), peranti perlindungan peribadi (termasuk topeng muka), farmaseutikal, pembungkusan dan percetakan (terutamanya untuk industri F & B), peranti perubatan dan implan, minyak dan gas disifatkan sebagai sektor pembuatan yang penting dan dibenarkan beroperasi.
2. Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) adalah besar dan komprehensif. Angka RM250 bilion jumlah peruntukan PRIHATIN hampir menyamai peruntukan perbelanjaan Belanjawan 2020 sebanyak RM297 bilion. Pakej ini menyeluruh serta mencakupi semua golongan yang memerlukan dengan pengagihan tunai kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan isi rumah berpendapatan pertengahan (M40). Pakej ini dapat memacu ekonomi serta menjana pendapatan boleh guna rakyat dan dapat meningkatkan penggunaan domestik berbanding luaran.

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Perdagangan Borong dan Runcit** | | |
| 1. | **My Metro** | **Pesan 'online', ambil di kafe, restoran**<br><br>Sebanyak RM1 juta diperuntukan bagi program 'Selangor Agro Market' yang telah diselaraskan oleh FAMA dengan menggunakan konsep secara 'pre-order' (tempahan awal) atau 'walk-in' (pembelian terus) bagi memastikan penduduk dapat membeli sayuran dan buahan segar pada harga berpatutan. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/559062/pesan-online-ambil-di-kafe-restoran |
| 2. | **My Metro** | **Jangka jualan runcit merosot 90 peratus**<br><br>Pemulihan pantas kesan dari wabak COVID-19 diperlukan bagi membantu industri peruncitan yang terjejas akibat PKP. Nilai jualan jatuh sebanyak 60 peratus pada Februari dan dijangka akan terus menyusut sebanyak 90 peratus pada Mac 2020. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/03/559048/jangka-jualan-runcit-merosot-90-peratus |
| 3. | **Focus Malaysia** | **Sectors that still do well in a volatile market**<br><br>Biotechnology and healthcare sectors are showing some resilience as they are at the crux of finding the COVID-19 treatments. | https://focusmalaysia.my/mainstream/sectors-that-still-do-well-in-a-volatile-market/ |
| 4. | **Berita Harian** | **Shopee nafi operasinya diberhentikan**<br><br>Shopee akan meneruskan operasinya sebagai satu platform | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/669953/COVID-19-shopee- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | e-dagang kerana mereka juga diklasifikasikan sebagai satu perkhidmatan yang perlu.<br><br>Rakan peniagaan Shopee, kedai dan pembekal seperti Mydin, Tesco, Nestle, Aeon Big, Watson, Unilever, Vinda, freshtap.my dan lebih banyak lagi, akan memastikan bekalan makanan dan keperluan harian yang mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia. | nafi-operasinya-diberhentikan |
| | **B. Subsektor Pengangkutan** | | |
| 5. | **Free Malaysia Today** | **AirAsia set to lose over RM1.1 billion, says analyst**<br><br>Affin Hwang Capital expect AirAsia to report larger losses in 2020-2021 after incorporating lower revenue in view of the temporary suspension of flights and dire industry outlook; and lower operating costs arising from savings in staff cost, operating leases, fuel and operations and maintenance expenses. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/highlight/2020/03/27/airasia-set-to-lose-over-rm1-1-billion-says-analyst/ |
| | **C. Subsektor Kewangan** | | |
| 6. | **Sinar Harian** | **COVID-19: Bursa Malaysia umum tujuh lagi langkah bantuan**<br><br>Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia bersetuju untuk mengecualikan semua yuran yang berkaitan dengan penyenaraian selama 12 bulan kepada syarikat-syarikat yang | https://www.sinarharian.com.my/article/75807/BISNES/COVID-19-Bursa-Malaysia-umum-tujuh-lagi-langkah-bantuan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | mahu disenaraikan di ACE dan Pasaran LEAP, serta bagi syarikat-syarikat di Pasaran Utama, dengan permodalan pasaran kurang daripada RM500 juta. | |
| | **D. Subsektor Kesihatan Swasta** | | |
| 7. | **New Straits Times** | **Health Ministry gets extra RM1bil allocation under stimulus package**<br><br>The government will allocate an additional of RM1 billion to Health Ministry for the purchase of new equipment and services to combat COVID-19. This includes obtaining the services of medical specialists from private healthcare providers.<br><br>The insurance industry and takaful will set up a special fund of RM8 million to bear the cost of tests which is up to RM300 for each policy.<br><br>Special allowances to doctors, nurses and other medical personal involved directly in the management and containment of the deadly infection. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/578723/health-ministry-gets-extra-rm1bil-allocation-under-stimulus-package |

Penemuan penting & isu:

1. Inisiatif kerajaan Selangor dalam mewujudkan program Selangor Agro Market dapat mengurangkan lambakan barangan seperti sayur dan buah-buahan sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.
2. Industri runcit terjejas teruk sepanjang tempoh PKP yang mengakibatkan nilai jualan pada Februari merosot 20 peratus dan dijangkakan akan terus merosot pada Mac 2020 sebanyak 90 peratus.
3. Jualan bagi produk farmasi merupakan industri yang diperlukan dalam tempoh PKP ini.

4. Shopee memberi jaminan operasi platform e-dagang akan berjalan seperti biasa. Rakan niaga dan pembekal bersama Shopee akan memastikan bekalan mencukupi sepanjang tempoh ini.
5. Bagi mengurus dan menangani kos kerugian, kakitangan pengurusan dan kanan AirAsia memilih pemotongan gaji, sama ada pada kadar 100 peratus atau sehingga 15 peratus
6. Peruntukan tambahan RM1 bilion kepada Kementerian Kesihatan adalah bagi pembelian peralatan dan perkhidmatan termasuk mendapatkan khidmat kepakaran perubatan daripada perkhidmatan perubatan swasta.

Maklumbalas Bahagian:

1. Industri peruncitan akan menerima impak kejatuhan jualan yang besar kesan daripada pelaksanaan PKP.
2. Industri jualan borong dan runcit produk farmasi merupakan industri penting yang dijangka meningkat sepanjang tempoh PKP.
3. Jualan secara atas talian dijangka terus meningkat kerana menjadi pilihan kaedah pembelian oleh pengguna dalam tempoh PKP.
4. Penggantungan semua penerbangan antarabangsa dan domestik yang dikendalikan oleh AirAsia Malaysia akan memberi kesan kejatuhan terhadap prestasi industri pengangkutan udara pada Q1 2020.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Markets** | **MoT allows goods to be moved from ports as congestion worsens**<br><br>Ministry of Transport (MoT) instructed special exemptions to clear non-essential goods at Port Klang, Port of Penang and Johor Port, which are expected to be filled to maximum capacity this week. Goods stuck are to be removed and delivered to their final destinations promptly to ensure that the movement of incoming essential goods is not impeded during the MCO. | https://www.theedgemarkets.com/article/mot-allows-goods-be-moved-ports-congestion-worsens |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The Star** | **Malaysia has rice stocks for 2.5 months as Vietnam curbs exports**<br><br>According to the Agriculture and Food Industry Ministry, Malaysia has enough rice to last two and a half months, after Vietnam the third-largest rice exporter suspended exports to ensure sufficient domestic supplies, raising concerns about global food security.<br><br>Malaysia, a net rice importer, has sufficient supply despite MCO as having 500,000 tonnes of rice stocks and consumes 200,000 tonnes a month. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/27/malaysia-has-rice-stocks-for-25-months-as-vietnam-curbs-exports |
| 3. | **The Star** | **Where is the love? Global condom shortage looms as MCO shuts world's top producer**<br><br>A global shortage of condoms is looming, after (MCO) forced the world's biggest producer, Malaysia's Karex Bhd to shut down production from its three Malaysian factories in the past 10 days. Shortfall of 100 million condoms, normally marketed internationally by brands such as Durex, supplied to state healthcare systems such as Britain's NHS or distributed by aid programmes such as the UN Population Fund. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/27/where-is-the-love-global-condom-shortage-looms-as-mco-shuts-world039s-top-producer |

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pengangkutan mengarahkan supaya Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Johor diberi pengecualian khas untuk memindahkan barangan yang bukan keperluan asas untuk dialihkan ke gudang-gudang (sementara) di luar pelabuhan agar memberi ruang supaya pemindahan

| | |
|---|---|
| | barangan keperluan (essential goods) dapat dibuat serta-merta antara 27 dan 29 Mac 2020.<br>2. Stok beras Negara dijangka mencukupi bagi tempoh dua bulan setengah setelah Vietnam mengumumkan kawalan eksport beras bagi memastikan keperluan domestik mencukupi susulan ancaman covid19.<br>3. Sebuah syarikat pengeluar terbesar kondom di Johor diarahkan menghentikan operasi sejak PKP dilaksanakan dan dijangka mengakibatkan dunia mengalami kekurangan stok kondom pada skala yang besar. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Nilai import bagi beras (HS Code: 1006) pada tahun 2019 mencecah RM1.9 bilion. Tiga negara sumber utama Malaysia bagi tahun 2019 ialah Vietnam (RM831.3 juta – 44.3%), Thailand (RM499.5 juta – 26.7%) dan India (RM227.3 juta – 12.1%). Nilai import bagi beras dijangka merosot pada tahun 2020 disebabkan negara pengeluar mengehadkan eksport bagi memenuhi keperluan domestik susulan penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia.<br>2. Nilai eksport kondom (HS Code: 4014100000) pada tahun 2019 berjumlah RM322.1 juta. Destinasi utama eksport kondom pada tahun 2019 ialah Afrika Selatan (RM33.6 juta – 10.4%), China (RM30.3 juta – 9.4%) dan Brazil (RM21.7 juta – 6.7%). Penularan wabak COVID-19 pada tahun 2020 dijangka akan memberi kesan terhadap pengeluaran kondom dunia.<br>3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19. | |

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Business Times** | **More SGX-listed firms keep Malaysia operations shut amid extended lockdown**<br><br>MORE Singapore-listed firms are keeping their Malaysia operations closed in order to comply with the extended lockdown period, which ends on Apr 14.<br><br>The companies are Astaka Holdings, Hatten Land, Spindex Industries, Nam Lee Pressed Metal Industries, CNMC Goldmine Holdings, Zico | https://www.businesstimes.com.sg/companies-markets/more-sgx-listed-firms-keep-malaysia-operations-shut-amid-extended-lockdown |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Holdings, Koda, KTMG, Allied Technologies, Mary Chia Holdings, Acesian Partners, MSM International, CFM Holdings and Eindec Corporation. | |
| 2. | **The Sun Daily** | **MCO to slow construction sector growth to 2.4%**<br><br>According to a statement from Fitch Solutions, the extension of the movement control order (MCO) until April 14 as a measure to curb the rise of COVID-19 cases is expected to significantly slow the growth of the construction industry.<br><br>The research arm said it estimates the sector will grow by 2.4%, down 0.9 percentage points from its previous forecast of 3.3%. | https://www.thesundaily.my/business/mco-to-slow-construction-sector-growth-to-24-DK2185959 |
| 3. | **BH Online** | **Ekonomi Malaysia potensi alami kemelesetan teknikal separuh pertama tahun ini**<br><br>Ekonomi Malaysia dijangka berkembang lebih perlahan iaitu antara 0.4 peratus hingga 2.5 peratus tahun ini, dengan potensi mengalami penguncupan pertumbuhan atau kemelesetan teknikal pada separuh pertama, kata penganalisis.<br><br>Bagaimanapun, unjuran pertumbuhan itu tidak mengambil kira pakej rangsangan ekonomi kedua ekoran penularan COVID-19 yang akan diumumkan Perdana Menteri. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/669685/COVID-19-ekonomi-malaysia-potensi-alami-kemelesetan-teknikal-separuh |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Berita Harian** | **Syarikat minyak dan gas utama dunia kurang perbelanjaan**<br><br>Syarikat minyak dan gas terbesar dunia mengurangkan perbelanjaan tahun ini susulan kejatuhan harga komoditi berikutan kemerosotan permintaan akibat COVID-19 dan perang harga Arab Saudi dan Russia. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/669683/syarikat-minyak-dan-gas-utama-dunia-kurang-perbelanjaan |
| 5. | **The Star** | **In oil markets, it's back to 1998 crisis pricing**<br><br>Brent oil futures may be trading at $27 per barrel but oil producers are selling their crude in the physical market at lower prices not seen since the aftermath of the Asian financial crisis of the late 1990s. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/27/in-oil-markets-it039s-back-to-1998-crisis-pricing |
| 6. | **Berita Harian** | **Harga RON95 dan RON97 turun enam sen, diesel turun tujuh sen**<br><br>Harga runcit petrol RON95 dan RON97 turun enam sen seliter, masing-masing kepada RM1.38 dan RM1.68 seliter, berkuat kuasa tengah malam ini sehingga 3 April. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/670007/ron95-ron97-turun-6-sen |
| 7. | **BERNAMA** | **40 syarikat produk penting di Sabah dapat kebenaran beroperasi**<br><br>Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (MTI) Sabah berjaya membantu 40 syarikat di Sabah mendapatkan kelulusan daripada MITI untuk dibenarkan beroperasi | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1825670 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Sabah Oxygen Sdn Bhd merupakan di antara syarikat yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh tersebut. Syarikat ini merupakan satu-satunya syarikat penting di negeri ini yang membekalkan gas oksigen untuk tujuan perubatan di semua hospital di negeri Sabah. | |
| 8. | **The Star** | **Hartalega to see more than 70% increase in capacity**<br><br>Hartalega Holdings Bhd 's land acquisition for factory expansion is expected to ramp up the company's capacity by more than 70%, boosting its glove production to 76 billion pieces per annum by 2029. Hartalega is planning to commission a total of 82 lines with total capacity of approximately 32 billion pieces of gloves per annum at this facility. Construction is targeted to commence from 2021 and complete in 2029. Capital expenditure for this new plant is estimated at RM3bil. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/27/hartalega-to-see-more-than-70-increase-in-capacity |

Penemuan penting & isu:

1. Lebih banyak syarikat yang berpangkalan di Singapura mematuhi penutupan operasi di Malaysia selama tempoh lanjutan MCO.
2. Fitch Solutions menganggarkan sektor pembinaan akan berkembang sebanyak 2.4%, turun 0.9 mata peratusan daripada ramalan sebelumnya sebanyak 3.3%.
3. Harga runcit petrol RON95 dan RON97 turun enam sen seliter, masing-masing kepada RM1.38 dan RM1.68 seliter, berkuat kuasa tengah malam ini sehingga 3 April. Penurunan harga runcit produk petroleum ini adalah disebabkan tren harga minyak mentah dunia yang terus menurun, ekoran

| | | | |
|---|---|---|---|
| | ketidaktentuan ekonomi global akibat pandemik COVID-19. Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia, serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.<br>4. Sabah Oxygen Sdn Bhd merupakan di antara syarikat yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP ini. Syarikat ini merupakan satu-satunya syarikat penting di negeri Sabah yang membekalkan gas oksigen untuk tujuan perubatan di semua hospital di negeri tersebut. | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Bahagian mengambil perhatian terhadap pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang bernilai RM250 bilion yang memberi manfaat kepada semua lapisan rakyat terutamanya bagi pakej RM100 bilion untuk menyokong perniagaan termasuk Perusahan Kecil dan Sederhana (PKS) dan RM2 bilion untuk memperkukuh ekonomi negara. | | | |
| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star**<br>**27 Mac 2020** | **Equities extend recovery on stimulus hopes**<br><br>Bursa Malaysia extended its recovery for a second straight day, tracking a bounce on Wall Street overnight as investor optimism over a US$2 trillion stimulus bill grew. Signs of recovery was seen as relief packages in major economies served had been announced to generate positive momentum on Asian markets. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/25/equities-extend-recovery-on-stimulus-hopes |
| 2. | **The Edge**<br>**27 Mac 2020** | **Bursa relaxes margin financing rules to ease force-selling**<br><br>Bursa Malaysia has announced the temporary relaxation of margin financing rules to ease the pressure of force-selling on the local market, amid the coronavirus-driven equity rout. The force-selling pressure on many counters was due to the | https://www.theedgemarkets.com/article/bursa-relaxes-margin-financing-rules-ease-forceselling |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | uncertainties in the global as well as local market arising from the COVID-19 outbreak; the share prices were impacted and affecting the investors. The measures are aimed at mitigating the force-selling pressure on the market, as well as safeguarding investor interest in respect of those who have pledged their shares for financing. | |
| 3. | **The Sundaily**<br>**27 Mac 2020** | **Petronas Dagangan's FY20 earnings forecast downgraded as MCO extended**<br><br>CGS-CIMB Research has cut Petronas Dagangan Bhd's (PDB) FY20 core net profit forecast by 17% as a result of the extension of the movement control order (MCO) by two weeks to April 14. The dividend per share assumption for FY20 has been cut from 54 sen to 44 sen (unchanged 80% payout assumption). All these measures are having a devastating impact on demand for transportation fuels, including motor gasoline (mogas) and aviation jet fuel; and liquefied petroleum gas (LPG) tanks for retail and commercial. | https://www.thesundaily.my/business/petronas-dagangan-s-fy20-earnings-forecast-downgraded-as-mco-extended-CL2184985 |
| 4. | **Berita Harian**<br>**27 Mac 2020** | **Emas catat kenaikan mingguan tertinggi 11 tahun**<br><br>Harga emas diniagakan lebih rendah semalam apabila pelabur menempah keuntungan, namun mencatatkan kenaikan mingguan tertinggi sejak Disember 2008 apabila tuntutan pengangguran Amerika Syarikat (AS) dicatatkan tertinggi dalam sejarah selepas | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/669837/emas-catat-kenaikan-mingguan-tertinggi-11-tahun |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | penularan COVID-19. Platinum dan palladium, mencatatkan kenaikan mingguan tertinggi dalam sejarah kesan daripada perintah berkurung di negara pengeluar utama, Afrika Selatan.<br>Pasaran saham Asia melonjak selepas pelabur menjangkakan pelaksanaan langkah rangsangan tambahan bagi menangani pandemik diumumkan. | |
| 5. | **The Sundaily**<br>**27 Mac 2020** | **MCO to slow construction sector growth to 2.4%**<br><br>The extension of the movement control order (MCO) until April 14 is expected to significantly slow the growth of the construction industry. This sector is estimated will grow by 2.4%, down 0.9 percentage points from its previous forecast of 3.3%. The Works Ministry has imposed stop-work orders on all construction sites, except for certain work-in-progress projects that have received permission from the Public Works Department and the Department of Occupational Safety and Health. | https://www.thesundaily.my/business/mco-to-slow-construction-sector-growth-to-24-DK2185959 |

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1, 2, 3, dan 4: Bursa Malaysia telah mengambil tindakan untuk memulihkan keyakinan pelabur. Beberapa ekonomi besar di dunia juga telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi bagi mengurangkan tekanan daripada COVID-19. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan juga turut memberi impak pengurangan dividen akibat kemerosotan permintaan minyak mentah dan LPG. Kenaikan harga emas bakal mempengaruhi rizab emas negara.
